

PELAKSANAAN AMALAN IBADAH BAGI MASYARAKAT ISLAM SEMASA MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19

Siti Samihah Mohd Yusoffⁱ, Noornajihan Ja'afarⁱⁱ, Muhammad Hafiz Salehⁱⁱⁱ & Ismail
Abdullah^{iv}

ⁱ (Corresponding author). Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. sitisamihahmohdyusoff@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. noornajihan@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. mhafiz@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Simpang 347, Jalan Pasar Gadong BE 1310, Negara Brunei Darussalam. ismail.abdullah@unissa.edu.bn

Abstrak

Pandemik COVID-19 yang sedang melanda seluruh dunia menyebabkan gangguan sosial dan ekonomi global kerana masyarakat tidak dapat melakukan aktiviti harian terutamanya keluar bekerja. Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula dari 18 Mac 2020 yang menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia terpaksa berada di rumah untuk mematahkan rantai COVID-19. Dalam menghadapi pandemik koronavirus yang semakin hari semakin bertambah kes baharu dan kes kematian yang dilaporkan di seluruh dunia, masyarakat Islam seharusnya mengambil iktibar di atas setiap kejadian yang berlaku, terus bersabar dalam menghadapi ujian, dan memperbanyakkan amalan ibadah terhadap Allah s.w.t. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengupas dan menganalisis beberapa ayat Al-Qur'an dan hadis Nabi Muhammad s.a.w berhubung dengan perintah untuk beribadah kepada Allah s.w.t dan amalan-amalan ibadah yang dianjurkan bagi setiap Muslim. Metodologi yang akan digunakan di dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menganalisis ayat Al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w di dalam kitab Sahih Al-Bukhari yang berkaitan dengan amalan-amalan ibadah. Hasil kajian ini dijangkakan akan menyediakan panduan kepada masyarakat Islam dalam mengamalkan ibadah wajib dan sunat seperti menunaikan solat fardu, solat berjemaah, solat sunat, berpuasa wajib, puasa sunat, membaca Al-Qur'an, berzikir, dan bersedekah.

Kata Kunci: Amalan Ibadah, Masyarakat Islam, Pandemik COVID-19.

PENDAHULUAN

Seluruh dunia sedang dilanda pandemik koronavirus (COVID-19) yang menyebabkan kebanyakan negara melaksanakan tindakan pencegahan untuk mengekang penularan COVID-19 termasuklah Malaysia. Pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri

Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara bermula dari 18 Mac 2020. Ini menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia terpaksa berada di rumah untuk mematahkan rantai COVID-19.

Allah s.w.t pencipta sekalian alam berfirman di dalam Al-Qur'an: *"Dan kami tidak menciptakan langit dan bumi serta apa yang ada di antara kedua-duanya secara main-main."* (Al-Qur'an 44:38). Bencana alam dan wabak penyakit adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan bagi setiap penduduk bumi. Setiap kejadian yang berlaku di muka bumi ini mempunyai tujuan dan hikmat yang tersendiri termasuklah pandemik koronavirus yang sedang melanda satu dunia. Namun, ianya bukanlah menjadi suatu halangan bagi setiap Muslim untuk meneruskan kehidupan sebagai hamba Allah yang bertakwa.

HIKMAH PENCIPTAAN MANUSIA

Allah s.w.t menciptakan manusia dan seluruh makhluk di dunia ini bersama dengan hikmat dan tujuan yang tersendiri. Allah berfirman di dalam Al-Qur'an: *"Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (daripada tiada kepada ada) dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu?"* (Al-Qur'an 23:115)

Salah satu sebab yang besar Allah s.w.t menciptakan manusia adalah suruhan untuk mentauhidkan Allah Yang Satu dan semata-mata untuk menyembah Allah Tuhan Yang Esa. Sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Qur'an: *"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."* (Al-Qur'an 51:56)

Manusia diciptakan sebagai khalifah di muka bumi ini untuk beribadat kepada Tuhan Yang Menciptakan. Allah s.w.t telah menurunkan Al-Qur'an dan mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w untuk dijadikan sebagai panduan bagi hamba-hamba Nya. Ianya meliputi setiap aspek kehidupan termasuklah ibadah.

Bertitik tolak daripada hikmah penciptaan manusia untuk beribadah kepada Allah s.w.t, ianya menjadi suatu kemestian bagi setiap Muslim untuk terus melaksanakan ibadah dan memperbanyakkan amalan ibadah dalam kehidupan seharian tidak kira apa jua keadaan atau situasi yang melanda apatah lagi dalam menghadapi pandemik COVID-19.

AMALAN IBADAH BAGI SETIAP MUSLIM

Ibadah adalah perkara yang sangat penting dalam kehidupan setiap Muslim. Ibadah yang diwajibkan ke atas setiap Muslim adalah solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat, dan menunaikan haji. Ibadah adalah suatu amalan

untuk mengukuhkan keimanan kepada Allah s.w.t dan merupakan satu simbol pengabdian dan kepatuhan seorang hamba terhadap Penciptanya.¹⁹⁹

Dalam menghadapi pandemik koronavirus yang semakin hari semakin bertambah kes baharu dan kes kematian yang dilaporkan di seluruh dunia, masyarakat Islam seharusnya mengambil iktibar di atas setiap kejadian yang berlaku, reda, dan terus bersabar dalam menghadapi ujian. Menambahkan amalan ibadah terhadap Allah s.w.t adalah salah satu cara untuk menunjukkan rasa cinta kepada-Nya.

Antara amalan ibadah yang dapat dilakukan oleh masyarakat Islam ketika menghadapi COVID-19 adalah mempelajari ilmu agama, menjaga dan memperbaiki ibadah wajib seperti solat fardu, puasa, menambahkan amalan ibadah sunat seperti solat sunat, puasa sunat, dan memperbanyakkan amalan membaca al-Qur'an, berzikir, dan bersedekah.

Menuntut Ilmu Agama

Amalan ibadah yang pertama yang boleh dilakukan ketika menghadapi COVID-19 adalah menuntut ilmu. Setiap Muslim diwajibkan untuk menuntut ilmu agama bagi memastikan pelaksanaan ibadah khusus ataupun ibadah umum bertepatan dengan syariat seperti yang digariskan dalam Islam. Menuntut ilmu adalah suatu ibadah dan ianya salah satu daripada prasyarat dalam memastikan ibadah-ibadah yang dilaksanakan adalah sah di sisi Allah s.w.t.

Imam Bukhari di dalam kitabnya Sahih Al-Bukhari memulakan Kitab Ilmu dan bab keutamaan ilmu dengan meletakkan ayat Al-Quran: *"Allah akan meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat."* (Al-Qur'an 58:11)

Allah s.w.t meninggikan darjat orang mukmin yang alim di atas orang mukmin yang tidak alim. Ketinggian darjat ilmu menunjukkan keutamaannya. Banyaknya pahala orang yang menuntut ilmu itu yang akan membuatkan darjat mereka terangkat. Darjat yang tinggi mempunyai dua maksud iaitu yang pertama adalah kedudukan yang tinggi dan reputasi yang baik, manakala yang kedua adalah darjat di akhirat dengan kedudukan yang tinggi di syurga.²⁰⁰

Kemudian Imam Bukhari menjelaskan tentang keutamaan ilmu dan maksud ilmu pengetahuan dengan meletakkan ayat Al-Qur'an: *"Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan."* (Al-Qur'an 20:114)

Ayat ini merupakan dalil yang menunjukkan keutamaan ilmu pengetahuan, kerana Allah tidak pernah memerintahkan kepada Nabi-Nya untuk mencari sesuatu

¹⁹⁹ Salasiah Hanin Hamjah et al., "The Application of Ibadah (Worship) in Counseling: Its Importance and Implications to Muslim Clients," *Journal of Religion and Health* 54, no. 5 (2015): 2.

²⁰⁰ Al-Asqalani, Jil. 1, 262-263.

kecuali menuntut ilmu. Yang dimaksudkan dengan ilmu di sini adalah ilmu-ilmu syariat yang berfungsi untuk menjelaskan apa-apa yang wajib bagi seorang *mukallaf* tentang urusan agama yang meliputi ibadah, *muamalah*, ilmu tentang Allah s.w.t dan sifat-sifat-Nya baik yang wajib mahupun yang mustahil bagi-Nya yang semuanya itu terdapat dalam kitab tafsir, hadis, dan *fiqh*.²⁰¹

Ini menunjukkan bahawa Allah s.w.t telah memerintahkan supaya hamba-Nya mendalami dan mempelajari ilmu agama. Ilmu agama inilah ilmu yang akan memberi banyak pahala kepada sesiapa yang berusaha untuk mendalaminya.

Salah satu cara untuk masyarakat mempelajari ilmu agama adalah dengan menghadiri kuliah dan ceramah keagamaan di masjid atau surau. Memandangkan dunia sedang dilanda pandemik koronavirus, kuliah dan ceramah di masjid tidak dapat diteruskan.

Tetapi, dapat dilihat bahawa pandemik koronavirus sekalipun tidak dapat menghalang masyarakat Islam untuk terus mempelajari ilmu agama melalui guru kerana kecanggihan teknologi sekarang telah membenarkan pembelajaran secara maya dan atas talian. Terdapat pelbagai kelas agama yang dianjurkan oleh para agamawan melalui platform *Google Meet*, *Skype*, *Zoom* dan sebagainya terutama di Malaysia sendiri.

Ini adalah satu inisiatif dan solusi yang sangat bermanfaat yang dilakukan oleh para agamawan terutamanya dalam mengatasi kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Islam ketika dunia dilanda COVID-19. Inisiatif ini memberikan peluang kepada masyarakat untuk memanfaatkan masa yang terluang di rumah dengan menyertai kelas-kelas agama yang dianjurkan sekaligus menambahkan pahala amalan beribadah.

Solat Fardu

Amalan ibadah yang kedua adalah solat fardu. Solat fardu adalah ibadah yang diwajibkan ke atas setiap Muslim tidak kira apa jua keadaan sekalipun. Solat yang wajib dilakukan oleh setiap Muslim adalah solat lima waktu iaitu solat Subuh, solat Zuhur, solat Asar, solat Maghrib, dan solat Isyak. Solat fardu adalah rukun Islam yang kedua selepas mengucapkan dua kalimah syahadah.

Allah s.w.t memerintahkan hamba-Nya untuk menunaikan solat sebagaimana yang disebutkan di dalam ayat Al-Qur'an: "*Kerjakanlah olehmu solat ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam dan (kerjakanlah) solat subuh. Sesungguhnya solat subuh itu adalah disaksikan (oleh para malaikat).*" (Al-Qur'an 17:78)

Solat yang dikerjakan dengan sempurna dapat mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Allah s.w.t berfirman: "*Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) apa yang diwahyukan kepadamu daripada Al-Qur'an dan kerjakanlah solat*

²⁰¹ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 1, 263.

(dengan tekun), sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui apa yang kamu lakukan.” (Al-Qur’an 29:45)

Di samping itu, solat lima waktu juga dapat menghapuskan dosa-dosa kecil sebagaimana yang disebut di dalam hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: ((أَرَأَيْتُمْ لَوْ أَنَّ نَهْرًا بِيَابِ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ فِيهِ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسًا، مَا تَقُولُ ذَلِكَ يُبْقِي مِنْ ذَنْبِهِ؟)) قَالُوا: لَا يُبْقِي مِنْ ذَنْبِهِ شَيْئًا، قَالَ: ((فَذَلِكَ مِثْلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ؛ يَمْحُو اللَّهُ بِهِ الْخَطَايَا)).²⁰² رواه البخاري

Dari Abu Hurairah, dia mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, “Tahukah kalian, seandainya ada sungai di pintu rumah salah satu dari kalian dan dia mandi lima kali di sungai itu, apakah masih ada kotoran yang tertinggal di badannya?” Mereka menjawab, “Tidak ada kotoran yang tertinggal.” Rasulullah bersabda lagi, “Itulah perumpamaan solat lima waktu, Allah menghapuskan dosa dengan solat itu.”

Hadis ini menceritakan tentang kelebihan solat yang boleh menyucikan seseorang hamba dari dosa-dosa dengan menggunakan perumpamaan air sungai yang boleh menghilangkan kekotoran di badan. Ibnu Baththal mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan dosa dalam hadis di atas adalah dosa-dosa kecil.²⁰³

Oleh itu, mengambil kira masa yang terluang di rumah disebabkan oleh pelaksanaan PKP, setiap Muslim digalakkan untuk mempelajari dan menambahkan ilmu agama untuk menyempurnakan solat fardu iaitu dengan memperbaiki bacaan ketika solat dan menunaikan setiap rukun utama di dalam solat iaitu rukun *qauli*, *fi’li*, *qalbi*, dan *maknawi* dengan betul.

Solat Jemaah

Amalan ibadah yang seterusnya adalah solat jemaah. Solat jemaah merupakan sunnah *muakkad* dan pensyariatannya berdasarkan ayat Al-Qur’an: “Dan apabila engkau (*wahai Muhammad*) berada dalam kalangan mereka (*semasa perang*), lalu engkau hendak mendirikan solat dengan (*menjadi imam*) mereka...” (Al-Qur’an 4:102)

²⁰² Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail, *Sahih Al-Bukhari* (Damsyiq: Dar Ibnu Kathir, 2002) Kitab Mawaqit As-Solah, Hadis 528, 139.

²⁰³ Ibnu Hajar Al-Asqalani, Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari, terjemahan oleh Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam, 2008) Jil. 3, 337.

Ayat ini diturunkan ketika waktu perang, maka sudah semestinya lebih utama untuk dilakukan ketika dalam keadaan aman. Tambahan lagi, Rasulullah s.a.w telah menjelaskan tentang kelebihan solat berjemaah berdasarkan hadis daripada baginda yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ
صَلَاةَ الْفَدِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً)).²⁰⁴ رواه البخاري

Dari Abdullah bin Umar bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Solat berjemaah lebih utama berbanding dengan solat bersendirian yang datang dengannya dua puluh tujuh darjat."

Hadis ini menerangkan tentang tambahan pahala bagi sesiapa yang solat berjemaah berbanding dengan solat bersendirian iaitu sebanyak dua puluh tujuh darjat. Terdapat juga perawi yang menukikan hadis ini daripada Abu Hurairah yang mengatakan dua puluh lima darjat. Solat jemaah yang didirikan di masjid adalah yang paling baik dan lebih utama kerana ianya menghidupkan dan memakmurkan rumah Allah s.w.t. Namun begitu, solat berjemaah tidak khusus dilaksanakan di masjid sahaja.²⁰⁵

Ini dapat dikaitkan dengan isu yang dihadapi oleh masyarakat Islam ketika pandemik COVID-19 iaitu pelaksanaan solat berjemaah di masjid. Dalam tempoh PKP, kerajaan tidak membenarkan solat jemaah dilaksanakan di masjid. Ianya tidak dapat diteruskan disebabkan oleh norma baharu yang diamalkan oleh rakyat Malaysia pada masa sekarang iaitu mempraktikkan penjarakan sosial (*social distancing*).

Walaubagaimanapun, ianya tidak dapat menghalang masyarakat Islam untuk solat berjemaah kerana setiap Muslim seharusnya menggunakan peluang ini dengan sebaiknya dan menunaikan solat berjemaah bersama keluarga di rumah masing-masing. Di samping itu, ianya juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Solat Sunat

Seterusnya, amalan ibadah sunat yang dapat dilakukan ketika menghadapi COVID-19 adalah solat sunat. Di samping menjaga amalan ibadah wajib, setiap Muslim juga digalakkan untuk menambahkan amalan ibadah kepada Allah s.w.t dengan ibadah sunat. Solat sunat yang pertama adalah solat sunat *rawatib*. Solat sunat *rawatib* didirikan sebelum (*qabliyah*) dan selepas (*ba'diyah*) solat fardu. Sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a:

²⁰⁴ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Azan, Hadis 645, 162.

²⁰⁵ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 4, 155.

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: «حَفِظْتُ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَشْرَ رَكَعَاتٍ: رَكَعَتَيْنِ قَبْلَ الظُّهْرِ، وَرَكَعَتَيْنِ بَعْدَهَا، وَرَكَعَتَيْنِ بَعْدَ المَغْرِبِ فِي بَيْتِهِ، وَرَكَعَتَيْنِ بَعْدَ العِشَاءِ فِي بَيْتِهِ، وَرَكَعَتَيْنِ قَبْلَ صَلَاةِ الصُّبْحِ، وَكَانَتْ سَاعَةً لَا يُدْخَلُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيهَا». حَدَّثَنِي حَفْصَةُ: «أَنَّهُ كَانَ إِذَا أَدَنَّ المَوْدِنُ وَطَلَعَ الفَجْرُ: صَلَّى رَكَعَتَيْنِ». 206 رواه البخاري

Dari Ibnu Umar r.a, dia berkata, "Aku telah menghafal (menjaga) dari Nabi s.a.w sepuluh rakaat; dua rakaat sebelum Zuhur, dua rakaat sebelum sesudahnya, dua rakaat setelah Maghrib di rumahnya, dua rakaat setelah Isyak di rumahnya dan dua rakaat sebelum Subuh. Saat itu adalah saat di mana Nabi s.a.w tidak boleh ditemui." Hafsa menceritakan kepadaku bahwa apabila muazin mengumandangkan azan dan fajar terbit, maka baginda solat dua rakaat.

Hadis ini menjelaskan tentang bilangan rakaat solat sunat *rawatib* sebelum dan selepas solat fardu iaitu sebanyak sepuluh rakaat. Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah s.a.w menunaikan solat dua rakaat sebelum Zuhur (terdapat juga riwayat daripada Aisyah r.a yang mengatakan bahawa Nabi s.a.w tidak pernah meninggalkan solat empat rakaat sebelum Zuhur), solat dua rakaat selepas Zuhur, solat dua rakaat selepas Maghrib, solat dua rakaat selepas Isyak, dan solat dua rakaat sebelum Subuh.²⁰⁷

Solat sunat yang kedua adalah solat malam dan solat witir (ganjil). Berdasarkan ayat Al-Qur'an, Allah s.w.t telah memerintahkan hamba-Nya untuk menunaikan solat *tahajjud* sebagai solat tambahan sebagaimana firman-Nya: "Dan bangunlah pada sebahagian daripada waktu malam serta kerjakanlah solat *tahajjud* padanya sebagai solat tambahan bagimu, semoga Tuhanmu membangkitkan dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji." (Al-Qur'an 17:79)

Tempoh waktu untuk mendirikan solat ini adalah sehingga terbit fajar. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: إِنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَيْفَ صَلَاةُ اللَّيْلِ؟ قَالَ: ((مَثْنَى مَثْنَى، فَإِذَا خَفَتِ الصُّبْحُ فَأَوْتِرَ بِوَاحِدَةٍ)). 208 رواه البخاري

²⁰⁶ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab At-Tahajjud, Hadis 1180-1181, 284.

²⁰⁷ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 6, 364.

²⁰⁸ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab At-Tahajjud, Hadis 1137, 275.

Dari Abdullah bin Umar r.a, dia berkata, "Sesungguhnya seorang lelaki berkata, 'Wahai Rasulullah, bagaimanakah solat malam?' Baginda bersabda, 'Dua-dua, apabila engkau khuatir (masuk waktu) subuh, maka laksanakan solat witir satu rakaat'".

Maksud perkataan *mathna mathna* (dua rakaat-dua rakaat) adalah mengucapkan salam pada setiap dua rakaat. Terdapat juga riwayat yang menyatakan bahawa kadangkala Rasulullah s.a.w melakukan solat malam sekali gus empat rakaat tanpa memisahkannya dengan salam.²⁰⁹ Dan sudahlah solat malam dengan satu rakaat solat witir. Terdapat juga riwayat yang mengatakan bahawa solat witir boleh dilakukan sebanyak tiga rakaat atau lima rakaat.²¹⁰ Menurut Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani, riwayat yang disepakati oleh majoriti ulama' dan yang sahih adalah solat malam yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w berjumlah sebelas rakaat iaitu lapan rakaat dan solat witir tiga rakaat.²¹¹

Puasa

Amalan ibadah yang seterusnya adalah puasa. Puasa di bulan Ramadan adalah rukun Islam yang ketiga yang mana ianya diwajibkan ke atas setiap orang Islam. Sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Qur'an: *"Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang sebelum kamu, supaya kamu bertakwa."* (Al-Qur'an 2:183)

Pensyariatian supaya berpuasa di bulan Ramadan telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadis baginda:

عَنِ ابْنِ شِهَابٍ قَالَ: أَخْبَرَنِي سَالِمٌ أَنَّ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: ((إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا، وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَفْطِرُوا، فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ)). وَقَالَ عَزْرَةُ: عَنِ اللَّيْثِ: حَدَّثَنِي عُقَيْلٌ وَيُونُسُ لِهَيْلَالِ رَمَضَانَ.²¹² رواه البخاري

Dari Ibnu Syihab, dia berkata: Salim telah mengkhabarkan kepadaku bahawa Ibnu Umar r.a berkata, "Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, 'Apabila kalian melihatnya (hilal Ramadhan), maka berpuasalah; dan apabila kalian melihatnya, maka berhentilah puasa. Apabila awan mendung menghalangi (penglihatan) kalian, maka tetapkanlah (hitungan 30 hari bulan Sya'ban) untuknya'". Selain

²⁰⁹ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 6, 252.

²¹⁰ Al-Asqalani, Jil. 5, 368-369.

²¹¹ Al-Asqalani, Jil. 5, 379.

²¹² Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab As-Saum, Hadis 1900, 458.

Ibnu Umar mengatakan dari Al-Laits, Uqail telah menceritakan kepadaku dari Yunus, "Untuk hilal Ramadhan."

Berdasarkan hadis di atas, puasa di bulan Ramadhan bermula apabila munculnya *hilal* iaitu bulan sabit. Ianya dilakukan sebanyak dua puluh sembilan hari dan kadang-kadang tiga puluh hari.²¹³ Hikmah berpuasa ini adalah untuk tujuan mendekatkan diri kepada Allah.²¹⁴

Di samping itu, puasa di bulan Ramadhan adalah di antara amalan ibadah yang terkesan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Suasana berpuasa di bulan Ramadhan pada tahun 1441 hijrah sudah semestinya tidak sama seperti puasa pada tahun-tahun sebelumnya. Ibadah sunat yang dilakukan di masjid ketika bulan Ramadhan seperti solat terawih, iktikaf, tadarus Al-Qur'an, bersahur dan berbuka puasa di masjid juga tidak dapat dilakukan kerana masyarakat Islam tidak dibenarkan untuk berkumpul di tempat-tempat awam termasuklah masjid dan surau.

Walaubagaimanapun, ibadah sunat seperti solat terawih masih lagi boleh dilakukan secara berjemaah bersama keluarga di kediaman masing-masing. Manakala, majlis tadarus Al-Qur'an pula boleh dilakukan secara atas talian melalui platform-platform yang tersedia.

Tambahan lagi, kita juga digalakkan untuk melakukan puasa sunat pada setiap bulan sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: ((أَوْصَانِي خَلِيلِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلَاثٍ: صِيَامِ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَرُكْعَتَيْ الضُّحَى، وَأَنْ أُوتِرَ قَبْلَ أَنْ أَنْامَ)).²¹⁵ رواه البخاري

Dari Abu Hurairah r.a dia berkata, "Kekasihku Nabi s.a.w telah mewasiatkan tiga perkara kepadaku, iaitu berpuasa 3 hari setiap bulan, 2 rakaat solat Duha, dan mengerjakan solat Witir sebelum aku tidur."

Setiap Muslim disunatkan untuk berpuasa 3 hari setiap bulan. Imam Bukhari meletakkan hadis ini di dalam "bab puasa *Al-Bidh* (البيض); setiap 13, 14, dan 15" berdasarkan riwayat yang mengatakan Nabi Muhammad s.a.w menyuruh untuk berpuasa pada tiga hari *Al-Bidh* (putih). Puasa 3 hari setiap bulan adalah disukai. Apabila bertepatan dengan *Ayyamul Bidh*, ianya lebih disukai.²¹⁶

²¹³ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 11, 60.

²¹⁴ Al-Asqalani, Jil. 11, 45.

²¹⁵ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab As-Saum, Hadis 1981, 476.

²¹⁶ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 11, 403-408.

Membaca Al-Qur'an

Seterusnya, amalan ibadah yang dapat dilakukan ketika menghadapi COVID-19 adalah membaca Al-Qur'an. Allah s.w.t telah menurunkan Al-Qur'an melalui Nabi Muhammad s.a.w sebagai peringatan dan pengajaran kepada setiap hamba-Nya. Ianya telah dijelaskan di dalam Al-Qur'an: "Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil pengajaran (daripadanya)?" (Al-Qur'an 54:17)

Tambahan lagi, Allah s.w.t telah memerintahkan supaya membaca Al-Qur'an dengan *tartil* iaitu dengan bacaan yang perlahan, jelas dan terang sebutan hurufnya serta betul mengikut ilmu tajwid. Firman Allah s.w.t: "Dan bacalah Al-Qur'an dengan *tartil*." (Al-Qur'an 73:4)

Di samping itu, Rasulullah s.a.w telah menjelaskan tentang kelebihan orang yang membaca dan menghafal Al-Qur'an sebagaimana hadis baginda yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a:

عَنْ عَائِشَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((مَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ حَافِظٌ لَهُ؛ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ، وَمَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ يَتَعَاهَدُهُ وَهُوَ عَلَيْهِ شَدِيدٌ؛ فَلَهُ أَجْرَانِ)).²¹⁷ رواه البخاري

Dari Aisyah, dari Nabi s.a.w, baginda bersabda, "Perumpamaan orang yang membaca Al-Qur'an dan dia menghafalnya adalah bersama para malaikat yang mulia dan baik. Perumpamaan orang yang membaca Al-Qur'an dan konsisten membacanya sementara ia mendapatkan kesulitan maka ia mendapatkan dua pahala."

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah s.a.w memberi perumpamaan orang yang menghafal Al-Qur'an seperti mereka bersama para utusan malaikat. Dan orang yang bersusah payah dalam hal ini berhak mendapatkan dua pahala. Pahala yang diberi kepada mereka itu disesuaikan dengan kesulitan yang mereka alami.²¹⁸

Sehubungan dengan itu, dengan mengambil kira situasi yang dialami oleh masyarakat yang tidak dapat melakukan aktiviti di luar rumah, digalakkan kepada setiap Muslim untuk memperbanyakkan bacaan Al-Qur'an dan mengisi masa lapang dengan mendalami ilmu Al-Qur'an seperti ilmu tajwid.

Zikir

²¹⁷ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab At-Tafsir, Hadis 4937, 1254.

²¹⁸ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 24, 475.

Di samping memperbanyakkan amalan membaca Al-Qur'an, zikir adalah salah satu ibadah yang dapat dilakukan untuk mengingatkan dan menyebut nama Allah s.w.t pada bila-bila masa tidak mengira tempat dan waktu apatah lagi ketika menghadapi sesuatu musibah dan bencana seperti COVID-19.

Zikir adalah satu cara untuk bersyukur kepada Allah s.w.t. Perintah untuk menyebut nama Allah s.w.t dijelaskan di dalam ayat Al-Qur'an: *"Wahai orang yang beriman, ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan dan sebutan yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang."* (Al-Qur'an 33:41-42)

Tambahan pula, zikir membuatkan hati manusia menjadi tenang sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Qur'an: *"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan yang tenang hati mereka dengan zikrullah. Bukankah dengan zikrullah itu hati manusia akan menjadi tenang?"* (Al-Qur'an 13:28)

Selain itu, Rasulullah s.a.w telah menjelaskan kepada sahabat baginda tentang amalan zikir dan kelebihan berzikir selepas solat fardu sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ الْفُقَرَاءُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالُوا: ذَهَبَ أَهْلُ الدُّنْيَا مِنَ الْأَمْوَالِ بِالْدَّرَجَاتِ الْعُلَى وَالنَّعِيمِ الْمَقِيمِ يُصَلُّونَ كَمَا نُصَلِّي، وَيَصُومُونَ كَمَا نَصُومُ، وَهُمْ فَضْلٌ مِنْ أَمْوَالٍ يَحْجُونَ بِهَا، وَيَعْتَمِرُونَ، وَيُجَاهِدُونَ، وَيَتَصَدَّقُونَ، قَالَ: ((أَلَا أَحَدَيْتُكُمْ بِأَمْرٍ إِنْ أَحَدْتُمْ بِهِ أَدْرَكْتُمْ مَنْ سَبَقَكُمْ، وَلَمْ يُدْرِكْكُمْ أَحَدٌ بَعْدَكُمْ، وَكُنْتُمْ خَيْرَ مَنْ أَنْتُمْ بَيْنَ ظَهْرَانِيهِ، إِلَّا مَنْ عَمِلَ مِثْلَهُ؟ تُسَبِّحُونَ، وَتُحْمَدُونَ، وَتُكَبِّرُونَ، حَلَفَ كُلِّ صَلَاةٍ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ)). فَأَخْتَلَفْنَا بَيْنَنَا، فَقَالَ بَعْضُنَا: نُسَبِّحُ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، وَنُحْمَدُ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، وَنُكَبِّرُ أَرْبَعًا وَثَلَاثِينَ. فَجَعْتُ إِلَيْهِ، فَقَالَ: تَقُولُ: ((سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ حَتَّى يَكُونَ مِنْهُنَّ كُلِّهِنَّ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ)).²¹⁹ رواه البخاري

Dari Abu Hurairah r.a, dia berkata, "Orang-orang miskin datang kepada Nabi s.a.w dan berkata, 'Orang-orang kaya para pemilik harta telah pergi dengan darjat-darjat yang tinggi dan kenikmatan yang abadi; mereka solat sebagaimana kami solat, mereka berpuasa sebagaimana kami berpuasa, sementara mereka memiliki keutamaan berupa harta yang mereka gunakan untuk haji dan umrah, berjihad dan bersedekah'. Baginda bersabda, 'Tidakkah aku ceritakan kepada kalian satu perkara,

²¹⁹ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Azan, Hadis 843, 206.

apabila kalian mengambilnya, nescaya kalian mencapai orang-orang yang telah mendahului kalian. Tidak ada seorang pun yang dapat mencapai kalian setelah itu, dan kalian adalah yang terbaik di antara orang-orang yang kalian berada di antaranya, kecuali orang yang mengerjakan sepertiinya; kalian bertasbih dan bertahmid serta bertakbir di belakang setiap solat tiga puluh tiga kali'. Lalu terjadi perbezaan di antara kami, sebahagian kami berkata, 'Kita bertasbih tiga puluh tiga kali, bertahmid tiga puluh tiga kali, dan bertakbir tiga puluh empat kali'. Aku pun menanyakan kembali kepada baginda, maka baginda menjawab, 'Subhanallah, walhamdu lillah, wallahu akbar, hingga tiap-tiap darinya berjumlah tiga puluh kali.'"

Berdasarkan hadis di atas, orang miskin telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang amalan yang membolehkan mereka untuk mendahului orang kaya yang bersedekah. Lalu baginda menceritakan tentang orang yang berzikir yang akan mendahului orang-orang yang memperoleh kelebihan dengan sebab bersedekah.²²⁰

Oleh itu, *taqarrub* (mendekatkan diri kepada Allah s.w.t) dengan amalan zikir di atas lebih utama dari *taqarrub* dengan menginfakkan harta. Orang miskin yang tidak mampu untuk bersedekah diberi pilihan untuk mendekatkan diri dengan Allah s.w.t dengan cara berzikir. Manakala orang kaya yang mempunyai harta dan mampu bersedekah adalah digalakkan untuk terus bersedekah.²²¹

Amalan zikir yang lebih utama adalah memulakan dengan mengucapkan tasbih kerana ini bertujuan untuk menafikan kekurangan Allah s.w.t. Selepas itu diiringi oleh tahmid kerana ianya mencakupi penetapan kesempurnaan Allah s.w.t. Kemudian mengucapkan takbir bertujuan untuk menyatakan bahawa tidak ada zat lain yang lebih besar daripada Allah Yang Maha Besar. Akhirnya ditutup dengan tahlil (*La ilaha illallah*) yang menunjukkan keesaan-Nya dalam semua yang disebutkan.²²²

Menurut Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani, makna yang paling kuat berdasarkan hadis di atas adalah berzikir selepas solat terdiri daripada bertasbih sebanyak 33 kali, bertahmid dan bertakbir masing-masing sebanyak 33 kali.²²³

Sedekah

Amalan ibadah yang seterusnya yang dapat dilakukan ketika COVID-19 adalah sedekah. Sedekah adalah satu amalan yang terpuji. Allah s.w.t telah mengkhabarkan tentang hamba-Nya yang menginfakkan rezeki yang diberikan oleh Allah s.w.t baik secara rahsia

²²⁰ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 4, 714.

²²¹ Al-Asqalani, Jil. 4, 715.

²²² Al-Asqalani, Jil. 4, 716.

²²³ Al-Asqalani, Jil. 4, 717.

mahupun terang-terangan. Mereka ini mengharapkan pahala yang pasti diraih dari sisi Allah s.w.t.

Sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Qur'an: "Sesungguhnya orang yang selalu membaca kitab Allah dan tetap mengerjakan solat serta mendermakan daripada apa yang Kami rezekikan kepada mereka secara bersembunyi atau secara terang-terangan, mereka mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian." (Al-Qur'an 35:29)

Di samping itu, terdapat hadis Rasulullah s.a.w tentang orang yang bersedekah yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar r.a:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: ((أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ، -وَدَكَرَ الصَّدَقَةَ وَالتَّعَفُّفَ وَالْمَسْأَلَةَ-: الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، فَالْيَدُ الْعُلْيَا هِيَ الْمُنْفِقَةُ، وَالسُّفْلَى هِيَ السَّائِلَةُ)).²²⁴ رواه البخاري

Dari Abdullah bin Umar r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda sedang beliau berada dia atas mimbar (dan beliau menyebutkan sedekah, memelihara harga diri dan meminta-minta), "Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Tangan yang di atas adalah pemberi, sedangkan tangan yang di bawah adalah peminta."

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah s.a.w memberi motivasi kepada orang kaya untuk terus bersedekah dan menganjurkan kepada orang miskin agar menjaga diri untuk tidak meminta-minta. Baginda s.a.w menganjurkan untuk menjaga kehormatan diri serta mencela sikap yang meminta-minta.²²⁵

Tambahan lagi, terdapat hadis Rasulullah s.a.w yang menerangkan tentang kewajipan ke atas setiap Muslim untuk bersedekah dan perkara-perkara yang dikira sebagai sedekah. Sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w:

عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي بُرْدَةَ بْنِ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ صَدَقَةٌ)) قَالُوا: فَإِنْ لَمْ يَجِدْ؟ قَالَ: ((فَيَعْمَلُ بِيَدَيْهِ فَيَنْفَعُ نَفْسَهُ وَيَتَصَدَّقُ)) قَالُوا: فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ، أَوْ لَمْ يَفْعَلْ؟ قَالَ: ((فَيُعِينُ ذَا الْحَاجَةِ الْمَلْهُوفَ))

²²⁴ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Az-Zakah, Hadis 1429, 347.

²²⁵ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 8, 111.

قَالُوا: فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ؟ قَالَ: ((فَيَأْمُرُ بِالْخَيْرِ)) أَوْ قَالَ: ((بِالْمَعْرُوفِ)) قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ؟ قَالَ: ((فَيَمْسِكُ عَنِ الشَّرِّ فَإِنَّهُ لَهُ صَدَقَةٌ)).²²⁶ رواه البخاري

Dari Sa'id bin Abi Burdah, dari Abu Musa Al-Asy'ari, dari bapanya, dari datuknya, dia berkata: Nabi s.a.w bersabda, "Setiap muslim berkewajibkan (dianjurkan) untuk bersedekah." Mereka berkata, "Jika dia tidak mendapatkan (apa yang disedekahkan)." Baginda bersabda, "Hendaklah dia bekerja dengan kedua tangannya untuk memberi manfaat pada dirinya, lalu bersedekah." Mereka berkata, "Jika dia tidak mampu atau tidak melakukannya." Baginda bersabda, "Hendaklah dia menolong orang yang sangat memerlukan pertolongan (dalam bentuk perbuatan, perkataan atau keduanya)." Mereka berkata, "Jika dia tidak melakukannya (tidak mampu atau malas)." Baginda bersabda, "hendaklah menyuruh kepada yang baik -atau baginda berkata: Kepada yang makruf-". Dia berkata, 'Jika dia tidak mendapatkan?' Baginda bersabda, "Hendaknya menahan dari keburukan, kerana itu adalah sedekah baginya."

Ibnu Baththal berkata, hadis ini menunjukkan segala kebaikan yang dilakukan seseorang, maka ianya ditulis sebagai sedekah baginya. Antara kebaikan yang disebut di dalam hadis di atas adalah menolong orang, menyuruh kepada kebaikan, dan menahan dari keburukan.²²⁷

Oleh itu, digalakkan ke atas orang-orang yang mampu untuk bersedekah kepada orang yang memerlukan seperti golongan yang terjejas disebabkan oleh COVID-19 terutamanya golongan B40 yang tidak dapat bekerja dan hilang pekerjaan serta punca pendapatan.

KESIMPULAN

Natijahnya, setiap kejadian yang Allah s.w.t ciptakan di alam semesta ini mempunyai tujuan dan hikmah yang tersendiri. Ianya terpulang kepada setiap hamba-Nya untuk merenung kebesaran Allah Yang Maha Besar dan mencari hikmah di sebalik setiap kejadian.

Bencana alam dan wabak penyakit bukanlah suatu halangan untuk manusia sebagai khalifah untuk terus maju dan ianya juga bukanlah suatu alasan yang menyebabkan manusia tidak dapat melangkah ke hadapan dan terus mundur. Allah s.w.t telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian sebagaimana firman-Nya

²²⁶ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adab, Hadis 6022, 1510.

²²⁷ Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 29, 163.

di dalam Al-Qur'an: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)." (Al-Qur'an 95:4)

Justeru itu, setiap Muslim hendaklah mencari hikmah dan mengambil pengajaran di sebalik semua kejadian yang terjadi di atas muka bumi. Keadaan norma baharu yang diamalkan ketika ini perlulah dimanfaatkan oleh setiap Muslim dalam berusaha untuk menjadi Muslim yang lebih baik seperti menggunakan waktu-waktu yang terluang di rumah dengan menambahkan pahala beribadah kepada Allah s.w.t.

RUJUKAN

Al-Qur'an.

Al-Asqalani, Ibnu Hajar. *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*. Amman: Bait Al-Afkar, 2000.

Al-Asqalani, Ibnu Hajar. *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*. Terjemahan oleh Amiruddin. Jakarta: Pustaka Azam, 2008.

Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. *Sahih Al-Bukhari*. Damsyiq: Dar Ibnu Kathir, 2002.

Salasiah Hanin Hamjah, Noor Shakirah Mat Akhir, Zainab Ismail, Adawiyah Ismail, and Nadhirah Mohd. Arib. "The Application of Ibadah (Worship) in Counseling: Its Importance and Implications to Muslim Clients." *Journal of Religion and Health* 54, no. 5 (2015): 9.